

15 AUG 2003

Mahathir-budaya (Bergambar)/I

DR MAHATHIR JELASKAN KONSEP RUMAH TERBUKA MALAYSIA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

EZULWINI (Swaziland), 15 Ogos (Bernama) -- Pemimpin Afrika dan peserta dialog kerjasama pintar kini sudah lebih jelas mengenai konsep "rumah terbuka" Malaysia.

Terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberitahu hadirin bahawa amalan masyarakat Melayu yang membenarkan sesiapa sahaja untuk bertandang ke rumah masing-masing, kini menjangkau batasan bangsa dan agama di Malaysia untuk berubah menjadi amalan popular rakyat seluruh negara.

Perdana Menteri menggunakan ungkapan "rumah terbuka" itu pada sesi Dialog Antarabangsa Kerjasama Pintar Global 2003 kerana mahukan perwakilan yang hadir, terbabit dalam perbincangan yang jujur, disamping memudahkan pertukaran idea dari semua pihak.

Dr Mahathir berkata ini menyerupai konsep "rumah terbuka" di kalangan orang Melayu yang membenarkan sesiapa juga untuk datang menziarahi antara satu sama lain semasa meraikan sambutan Hari Raya.

Beliau berkata konsep "rumah terbuka" berjaya membantu usaha memupuk persefahaman, terutama di kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada penduduk berbilang bangsa dengan latar belakang pelbagai agama, sehinggakan ia dengan pantas diterima dan dijadikan cara hidup rakyat negara.

"Sekarang, malah kaum Cina, India dan penduduk asal seperti Iban dan Kadazan mengamalkan konsep rumah terbuka semasa meraikan semua festival, tidak kira berbentuk keagamaan, mahupun kebudayaan," katanya.

Beliau berkata ahli politik yang tidak sehaluan juga tidak mempunyai masalah dalam menziarahi antara satu sama lain semasa meraikan festival di Malaysia dan sudah menjadi perkara lumrah di kalangan rakyat negara untuk berkenalan antara satu sama lain melalui amalan ini. Tapi Dr Mahathir tidak sendirian dalam membentangkan pengetahuannya mengenai kebudayaan.

Pada sebelah malamnya, tuan rumah, King Mswati III of Swaziland, turut memberikan tunjuk ajar kepada Dr Mahathir mengenai cara memukul gendang Swazi sebagai sebahagian daripada persembahan kebudayaan, sempena pelancaran Projek Dana Pembiayaan kepada Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), dimana kira-kira 5.7 juta pounds berjaya dipungut, kearah menjayakan sasaran 11 juta pounds.

Hadirin bertepuk tangan semasa Dr Mahathir dengan pantas memukul gendang menuruti rentak raja Swazi itu selama kira-kira 10 minit di atas pentas.

CPTM dalam satu kenyataan pada majlis pelancaran itu mengatakan bahawa projek itu berkisar kepada usaha mengumpul dana untuk membeli aset yang mampu membawa masuk pendapatan di London, yang meerupakan ibupejabat, atau pengkalan CPTM.

Dana pembiayaan itu bermula dengan cemerlang pada bulan Oktober lepas apabila Dr Mahathir mengumumkan sumbangan kerajaan Malaysia yang berjumlah tidak kurang daripada satu juta pounds, manakala Uganda sebanyak 250,000 pounds.

Syarikat-syarikat Malaysia adalah antara kalangan sektor swasta yang menjadi penyumbang utama dengan sumbangan berjumlah 4.4 juta pounds membabitkan 22 buah syarikat.

Penyumbang utama termasuk Petronas (500,000 pounds), Resorts World dan Tenaga Nasional (masing-masing 400,000 pounds) dan Malaysia Mining Corporation (300,000 pounds).

-- BERNAMA

MR AZZ AZH